

BAB 6

KESIMPULAN

Elemen agama telah lama mewarnai perkembangan sejarah dan peradaban India. Pembahagian sejarah dan Peradaban India sering ditandai dengan pembahagian zaman Hindu, zaman Islam dan zaman British atau penjajahan. Dua daripada zaman ini dikaitkan dengan agama. Selain itu, satu pendekatan sekular telah dilakukan bagi membahagikan peradaban India di mana pembahagian itu melibatkan zaman awal, zaman pertengahan dan zaman moden. Walaupun pelbagai pembahagian dilakukan, isu agama masih menjadi sebahagian daripada pengisiannya.

Dalam memperlihatkan peranan dan cabaran Islam dalam peradaban negara India kontemporari, kita melihat telah wujud konflik antara masyarakat Hindu-Islam di India sejak sekian lama. Agama Islam yang telah mula bertapak di India pada abad ke-8 Masihi dan semakin kukuh pada abad ke-12 dan ke-13 Masihi telah menunjukkan tegaknya zaman pemerintahan Dinasti Delhi dan Mughal.

Sepanjang tempoh kedatangan Islam di India ini telah menyaksikan peperangan besar dan kecil yang membabitkan raja-raja Hindu dan pemerintah-pemerintah Islam. Ini telah mewarnai perkembangan peradaban negara India itu

sendiri. Pemerintahan Dinasti Mughal itu sendiri telah mengukuhkan pertapakan Islam di India.

Pendamaian antara dua komuniti ini jelas kelihatan dalam pemerintahan Akbar. Akbar telah berusaha menyatukan masyarakat Hindu dan masyarakat Islam di bawah satu bumbung pentadbiran hingga empayar Mughal mencapai tahap yang penting dalam peradaban India. Akbar sering dirujuk sebagai pemerintah Islam yang kafir²⁰⁰ kerana dasarnya dalam pentadbiran.

Kedatangan British ke India dan muncul sebagai 'pemegang kuasa' unggul telah membawa perubahan yang besar dalam hubungan Hindu-Islam. Abad ke-18 dan sepanjang abad ke-19 telah menyaksikan pelbagai dasar yang dilakukan oleh British yang menyentuh pembabitatan masyarakat Islam dan Hindu. Ini dapat dilihat melalui dasar pendidikan Inggeris yang diamalkan di India telah mengancam sistem pendidikan Islam dan sistem pendidikan Hindu. Ini menyebabkan masyarakat India terpaksa memilih sama ada meneruskan sistem pendidikan yang sedia ada atau sistem pendidikan yang baru dimana secara teorinya menyediakan ruang pekerjaan yang lebih baik. Sistem ini lebih diterima oleh orang Hindu berbanding Islam dan ini menyebabkan masyarakat Hindu mudah memperolehi pekerjaan dan kedudukan yang baik dalam sistem pemerintahan kolonial British.

²⁰⁰ Akbar dikategorikan sebagai kafir dan terkeluar dari Islam kerana sikap toleransinya terhadap masyarakat Hindu. Ini jelas dilihat Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India (terjemahan)**, hlm. 74-75. Penulis juga memperlihatkan zaman pemerintahan Akbar sebagai zaman kegelapan Islam.

British telah mengukuhkan cengkaman mereka di India dengan melaksanakan dasar 'pecah dan perintah'. Dalam konteks India, pemecahan berdasarkan kepada garisan keagamaan merupakan subjek yang menguntungkan mereka terutamanya bagi masyarakat Hindu.

Selepas kemerdekaan telah menyaksikan perpindahan beramai-ramai masyarakat Islam ke Pakistan. Namun ada sebahagian masyarakat Islam yang enggan berpindah ke negara tersebut dan mereka terus menetap di India. Dalam masa yang sama, ini telah menjadikan jumlah penduduk Hindu lebih ramai berbanding masyarakat Islam. Keadaan ini menyebabkan mereka merasakan kedudukan mereka ada kelebihan. Mereka telah menimbulkan idea '*Hindu Renaissance*' yang menjadikan Islam sebagai sasaran kemarahan dan rasa tidak puas hati terhadap agama tersebut. Islam telah dilihat sebagai satu kuasa penjajahan.

Identiti Hindu yang baru iaitu *Hindutva* telah menjadi asas perjuangan masyarakat Hindu pada hari ini. Ini telah menjadi asas perhimpunan parti dan kumpulan. Fahaman ini cuba melukis satu sempadan masyarakat Hindu yang menonjolkan dewa-dewi dan wira-wira tertentu yang dipersembahkan sebagai idea untuk dikongsi oleh masyarakat demi mengekalkan kesatuan. Mereka juga menampilkan rasa kehilangan sosial yang ditimbulkan oleh kuil Ram di Ayodhya. Kuil ini menjadi simbol untuk bertafakur bagi masyarakat Hindu; bersedih kerana

kehilangan maruah, kehilangan kehormatan diri dan kehilangan peradaban. Identiti Hindu ditonjolkan sebagai suatu yang diancam oleh kuasa luaran dan dalaman. Sikap waspada diperlukan untuk mengawal pepecahan.²⁰¹

Dalam memperlihatkan peranan dan cabaran Islam dalam peradaban Negara India kontemporari, kita mendapati ia lebih berpaksikan hubungan Hindu-Islam. Peradaban India kontemporari ini telah menyaksikan pergolakan dalaman di India dimana hubungan Hindu-Muslim sering menjadi perdebatan yang akhirnya membawa kepada beberapa siri rusuhan.

Contoh yang jelas dapat dilihat dalam kemusnahan Masjid Babri yang telah dibina di Ayodhya pada tahun 1528 di bahagian utara Uttar Pradesh. Parti *Vishwa Hindu Parishad* (VHP) telah mengutarakan pandangan bahawa masjid ini dibina di kawasan Tuhan Ram atau Ram Jammabhon. Pada 11 Disember 1992 telah menyaksikan kemusnahan masjid ini yang telah berusia 464 tahun dalam masa lima jam sahaja. Ia juga telah menyebabkan kemusnahan masjid lain di seluruh India dan menjadikan Islam sebagai sasaran mereka. Peristiwa ini menjadi episod hitam dalam hubungan antara penganut agama Hindu dan Islam di India.²⁰²

Secara realiti, umat Islam di dunia telah menghadapi pelbagai coraknya yang tersendiri selain daripada cabaran-cabaran antarabangsa yang dihadapi oleh umat Islam keseluruhannya. Masyarakat Islam di India sekarang ini menghadapi

²⁰¹ **Kurier Unesco**, 2: 1995, hlm. 30.

²⁰² Azharuddin Mohamed Dali, **Konflik Agama di India**, hlm. 33-34.

cabaran yang lebih berat berbanding dengan masyarakat Islam di tempat lain. Cabaran ini lahir daripada pelbagai sebab. Ada yang berpunca daripada kesilapan sendiri dan ada pula merupakan warisan daripada pertikaian lama yang terjadi dalam sejarah India.

Pada masa sekarang, India dilihat sebagai sebuah negara demokrasi dimana kerajaan yang dibentuk pada hari ini adalah atas lantikan penduduknya. Bagi mengatasi permasalahan masyarakat Islam di India, mereka sepatutnya tidak bergantung kepada kerajaan tetapi hendaklah menyelesaikan pertikaian ini dengan masyarakat India itu sendiri. Ini jelas dalam pernyataan Dr. Syed Abi Hussain (1896-1975) didalam bukunya *The Destiny of Indian Muslims*, di mana beliau menyatakan "*But Muslims still labour under the impression that the solution to their problem is in the hands of the government. To the government alone they take their troubles and from it alone they aspect a remedy*".²⁰³

Masyarakat Islam di India hari ini bukan sahaja menghadapi cabaran dari sudut politik, malah ia membabitkan ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan sebagainya. Ini jelas dinyatakan oleh S. Showkat Hussain di dalam bukunya *Minorities Islam and the Nation State* di mana masyarakat Islam di India dilihat sebagai minorities yang akan berhadapan dengan cabaran dan tekanan dalam kehidupan mereka. Walaupun perlembagaan India menjamin hak golongan minoriti namun dari segi perlaksanaannya adalah sukar. Ini kerana masyarakat Islam menghadapi cabaran yang gentir daripada masyarakat majoriti itu sendiri.

²⁰³ Maulana Wahiduddin Khan, **Indian Muslims**, hlm. 136.

S. Showkat Hussain juga menulis, *'The various article of the constitution relating to their rights are drafted in such a manner that makes them vulnerable to curtailment through interpretation. The courts have taken them to their logical conclusion'*.²⁰⁴ Ini menjelaskan dimana kes Shah Bano Begum²⁰⁵ yang memperlihatkan tentang sedikit sebanyak kehilangan kredibiliti kerajaan dan bidang perundangan untuk melindungi hak-hak golongan minoriti.

Dalam melahirkan perpaduan di India, mereka hendaklah memastikan hak golongan minoriti dan majoriti itu perakui. Masyarakat India sepatutnya tidak menyalahkan antara satu sama lain dalam isu-isu yang berkaitan dengan Hindu-Islam. Ini jelas dalam kenyataan Ambedkar dimana *"In this country both minorities and majorities have followed a wrong path. It is wrong for majorities to deny the existence of minorities. It is equally wrong for minorities to perpetuate their existence."*²⁰⁶

Sebagai masyarakat minoriti di India, orang Islam sepatutnya lebih berpuas hati. Mereka sepatutnya mengamalkan sifat terbuka dengan agama lain. Mereka sepatutnya tidak terpengaruh dengan slogan yang dibentangkan oleh golongan anti-Islam. Selain itu, mereka sepatutnya tidak membuat bantahan atau bias apabila terdapat sedikit sahaja orang Islam dalam pentadbiran. Mereka juga

²⁰⁴ S. Showkat Hussain, **Minorities Islam and the Nation State**, hlm. 22.

²⁰⁵ Kes ini melibatkan Shah Bano Begum VS Mohamad Ahmad yang telah dibawa ke mahkamah untuk memberi penentuan tentang Artikel 44, Perlembagaan India., *ibid.*, hlm. 20.

²⁰⁶ S. Showkat Hussain, **Minorities Islam and the Nation State**, hlm. 22.

sepatutnya tidak menjalankan protes terhadap isu-isu yang berkaitan dengan bahasa Urdu, undang-undang dan institusi pengajian tinggi Islam. Kesabaran itu penting dalam menuntut hak sebagai masyarakat minoriti India.²⁰⁷

Sudah tiba masanya masyarakat Islam menukar cara pemikiran mereka. Mereka hendaklah melihat masyarakat Hindu itu bukan sendiri bukan kerajaan atau kuasa pemerintah. Ketua pemimpin Islam hendaklah berinteraksi dengan pemimpin Hindu. Interaksi yang hendak dilakukan bukan sahaja melibatkan kelas pemerintah sahaja malah melibatkan semua lapisan masyarakat. Dengan cara ini, hubungan mereka boleh diperbaiki dan kerjasama secara aman boleh dilakukan.²⁰⁸

Konflik yang berlaku di India ini sebenarnya lebih kepada perasaan curiga di kalangan Hindu-Islam secara warisan telah menyebabkan hubungan mereka semakin terjejas. Bagi mengatasi pertelingkahan Hindu-Islam ini, satu dasar persefahaman dan toleransi hendaklah diamalkan oleh kedua-dua belah pihak. Masyarakat Hindu sebagai golongan majoriti hendaklah lebih terbuka dan menghormati semua agama di India. Masyarakat Islam juga haruslah bertolak-ansur dalam melahirkan hubungan yang erat di India.

Dalam zaman globalisasi ini, masyarakat Islam menghadapi cabaran dari segi dalaman dan luaran. Situasi mereka dibayangi dengan ketidakadilan, kurangnya kebebasan bersuara dan kurangnya peluang yang diberikan dalam

²⁰⁷ Maulana Wahiduddin Khan, **Indian Muslims**, hlm. 21.

²⁰⁸ *Ibid.*, hlm. 138-139.

ekonomi. Walaupun berlakunya modenisasi sejak kebelakangan ini dengan pengenalan sistem pendidikan sekular, sistem ekonomi kapitalis dan perkembangan teknologi namun ia tidak dapat di seimbangkan dengan pertumbuhan dan perkembangan penduduk di India.

Negara India sebenarnya mempunyai potensi untuk maju dari segi peradaban. Namun keadaan ini tidak berlaku kerana kurangnya komunikasi atau interaksi antara masyarakat Islam dan bukan Islam yang disebabkan oleh konflik dalaman. Kekurangan kerjasama dan sifat bersatupadu di kalangan masyarakat Islam itu sendiri memberi peluang kepada masyarakat Hindu mengeksploitasi tenaga dan diri mereka dan ini menyebabkan kebergantungan diri mereka kepada orang Hindu. Dalam melahirkan satu peradaban, mereka memerlukan pemulihan dari segi politik, ekonomi dan sosial serta keadilan.

Selain itu masyarakat Islam sepatutnya melupakan peristiwa yang berlaku pada masa lalu dan memandang ke hadapan. Mereka sepatutnya sedar tentang kelemahan diri mereka sehingga boleh ditindas oleh orang Hindu. Masyarakat Islam sepatutnya cuba mencari peluang untuk meningkatkan diri mereka dalam bidang pendidikan, perniagaan dan industri. Secara keseluruhannya banyak perkara yang perlu dilakukan bukan hanya untuk masyarakat Islam malah oleh orang Islam itu sendiri. Semua perkara ini boleh dilakukan dengan bersatu hati.

Masyarakat Islam hendaklah meletakkan peristiwa pahit yang dialami ke belakang dan maju ke hadapan bagi meningkatkan diri dan taraf sosial mereka.²⁰⁹

Politik kontemporari di India sememangnya dipengaruhi oleh agama. Satu kajian perlu dilakukan bagi melihat senario politik sama ada pada masa lepas atau pada masa kini bagi membentuk satu ideologi baru yang membolehkan penyatuan antara masyarakat Hindu dan Islam. Satu pemerhatian terhadap kehidupan sosial, corak kebudayaan dan politik dijalankan bagi melihat tindakbalas masyarakat Islam yang digambarkan oleh Aziz Ahmad sebagai “Indian Environment”. Corak politik dan ajaran agama perlu dikaji semula bagi mencari penyelesaian kepada konflik ini.

*Dalam melahirkan satu peradaban yang baik, kerajaan perlu membentuk semula institusi politik mereka. Masyarakat Islam hendaklah diberikan kebebasan hak bersuara dan dilindungi dari ketidakadilan dan diskriminasi. Bagi melahirkan satu masyarakat Islam yang kukuh, sifat kejujuran, semangat persaudaraan, moral yang baik dan bersatu hati perlu wujud dalam diri mereka.*²¹⁰

Masyarakat Islam di India amat mementingkan agama. Mereka inginkan kebebasan hidup sebagai masyarakat Islam tanpa gangguan dari pelbagai pihak. Mereka ingin mengawal hidup mereka, hidup dalam tatacara Islam, kebebasan untuk membaca al-Quran dan mengamalkan tradisi Islam. Ini termasuklah dalam

²⁰⁹ Ibid., hlm. 11.

²¹⁰ Amer al-Roubaie, **Globalization and The Muslim World**, hlm. 90-91.

undang-undang kekeluargaan, warisan, perayaan agama dan sebagainya. Apabila keadaan ini tergugat, mereka merasakan diri mereka terancam, keliru dan akhirnya membawa kepada kemarahan.²¹¹ Keadaan ini akhirnya membawa kepada berlakunya rusuhan dan pemberontakan.

Sebenarnya masyarakat bukan Islam boleh membekalkan semua ini. Namun masyarakat moden hari ini telah melahirkan masalah tersebut. Walaupun masyarakat Islam merupakan golongan minoriti tetapi di India sendiri bilangannya sekitar 115 juta orang. Walaupun mereka cuba menjaga identiti diri, masyarakat ini sering tidak mendapat keadilan di negara mereka sendiri. Ini jelas kelihatan dalam berita yang disiarkan di di televisyen dan akhbar. Masyarakat Islam sebenarnya telah diperkenalkan dengan konsep ummah. Namun pergelutan di Kashmir itu sendiri menjadikan kehidupan masyarakat Islam terancam. Rusuhan dan peperangan sering berlaku yang melibatkan orang Islam itu sendiri. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ancaman dari pihak polis dan tentera. Orang-orang muda sering ditangkap dan disoal siasat serta diseksa apabila terjadi rusuhan.²¹²

Jadi jelas di sini bagi melahirkan satu peradaban yang baik di India, semua perkara ini hendaklah di atasi. Konsep ummah yang diajar dalam Islam hendaklah diamalkan. Ummah di sini yang bermaksud persaudaraan perlu wujud dalam diri masyarakat India itu sendiri kerana mereka hidup dalam sebuah negara. Jadi sifat

²¹¹ Akhbar S. Ahmed, **Islam Today**, hlm. 164.

²¹² Ibid., hlm. 165-166.

tolak ansur dan berkerjasama perlu ada dalam melahirkan sebuah negara yang makmur. Pergolakan di India pada hari ini bukan sahaja menjadi satu isu negara malah melibatkan dunia sekali.